

04/08/2002

`Kenaikan harga petrol tidak beban pengguna'

PORT DICKSON: Kerajaan percaya pengguna di negara ini mampu menerima kenaikan harga minyak petrol kerana ia dibuat secara `lembut' dan tidak mendadak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pendekatan kerajaan sebelum ini ketika menaikkan harga minyak tidak menyusahkan pengguna.

Sebelum kenaikan harga dibuat, katanya kementerian membuat kajian kesan kenaikan itu terhadap pelbagai pihak seperti pengguna, industri dan peniaga.

"Kerajaan sentiasa mencari jalan supaya kenaikan harga tidak membebankan pengguna.

Sebab itu apabila kenaikan harga minyak dibuat seperti sebelum ini, ia tidak menyusahkan rakyat. Belum ada kes kereta disimpan di rumah kerana harga minyak naik," katanya selepas merasmikan simposium perniagaan anjuran Persatuan Bisnes India Malaysia (Miba) di Guoman Resort di sini, semalam.

Kenaikan terakhir harga petrol dan diesel ialah pada 1 Mei lalu iaitu dua sen. Oktober tahun lalu, harga petrol dinaikkan 10 sen seliter yang diumumkan ketika Belanjawan 2002 dibentangkan.

Muhyiddin berkata, Persatuan Automotif Malaysia (MAA) baru-baru ini mengunjurkan jualan kenderaan bermotor tahun ini akan mencatat paras tertinggi, iaitu 430,000 unit.

Katanya, jumlah itu tidak mungkin dicapai jika kenaikan harga petrol terlalu tinggi.

"Ini menunjukkan pengguna memang ada kemampuan, tetapi kenaikan tidak boleh dilakukan secara mendadak," katanya.

Seperti kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, Muhyiddin berkata pengguna perlu menerima hakikat kerajaan tidak boleh menanggung subsidi harga petrol RM6 bilion untuk selama-lamanya.

Katanya, peruntukan subsidi itu jika digunakan untuk projek pembangunan lain mampu memberi manfaat kepada lebih ramai rakyat negara ini.

"Pengguna perlu menerima hakikat harga minyak seperti barangan lain perlu ditentukan oleh pasaran dan kerajaan mungkin hanya menanggung sedikit," katanya.

Muhyiddin memberi jaminan kenaikan harga minyak tidak memberi kesan negatif seperti kenaikan harga minyak dua peratus akan menyebabkan harga barangan lain meningkat 10 peratus.

Sementara itu, beliau mencadangkan ahli perniagaan pelbagai kaum di negara ini bergabung modal, teknologi dan kepakaran menembusi pasaran Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Katanya, ahli perniagaan tidak boleh bergantung kepada pasaran dalam negara yang kecil, berbanding potensi lebih besar apabila Afta dilaksanakan.

"Sudah ada kerjasama ahli perniagaan antara kaum yang berjaya dan ini perlu diperluaskan. Sebagai contoh, ahli perniagaan India negra ini berpengalaman dalam perniagaan seperti tekstil, makanan, restoran," katanya.

Beliau berkata, jurang antara ahli perniagaan berlainan kaum di negara ini juga perlu dirapatkan dengan peniaga Melayu sepatutnya tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan.